



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

IKLAN KEKOSONGAN JAWATAN

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH merupakan sebuah Universiti Awam di Malaysia yang ditubuhkan di bawah Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 ingin mempelawa warganegara Malaysia yang berkecualan untuk mengisi jawatan berikut:

1.0 BUTIRAN JAWATAN

- | | | | |
|-----|-----------------|---|--|
| 1.1 | Jawatan | : | Penolong Naib Canselor (Jaringan Industri, Masyarakat dan Alumni) |
| 1.2 | Gred | : | Gred Utama B (VU6) |
| 1.3 | Tangga Gaji | : | RM7,676.00 hingga RM20,592.00 |
| 1.4 | Taraf Lantikan | : | Tukar Sementara/Pinjaman/Kontrak |
| 1.5 | Tempoh Lantikan | : | Dua (2) tahun (tertakluk kepada keputusan Lembaga Pengarah Universiti) |
| 1.6 | Kelayakan | : | Sekurang-kurangnya telah memegang jawatan Profesor dengan kelayakan Ijazah Doktor Falsafah (PhD) |

2.0 KRITERIA PEMILIHAN

Kriteria pemilihan adalah berdasarkan Garis Panduan dan Kriteria Pemilihan Timbalan Naib Canselor Universiti Awam seperti berikut:

- | | | | |
|-----|---------------|---|---|
| 2.1 | Kriteria Umum | : | a) Kecemerlangan Akademik
Mempunyai kelayakan PhD, mendapat <i>command of respect</i> dari kalangan rakan sejawat, mempunyai rekod cemerlang dalam penyelidikan, penerbitan jurnal berwasit antarabangsa, inovasi dalam pengajaran dan kecemerlangan dalam khidmat profesional. |
| | | | b) Pengiktirafan Antarabangsa;
Mestilah diiktiraf oleh <i>peers</i> antarabangsa sebagai pakar dalam bidangnya, mempunyai jaringan antarabangsa yang kukuh, pernah menerima pelbagai anugerah dan pengiktirafan dari organisasi terkemuka luar negara. |
| | | | c) Reputasi;
Menjadi <i>role model</i> kepada semua peringkat staf, mempunyai pengalaman dan <i>proven track record</i> serta disanjung baik serta dihormati oleh masyarakat kampus dan luar. |

- d) **Kebolehan Memimpin dan Mengurus;**
Mempunyai *people skills* yang boleh meneraju transformasi, mempunyai gagasan, visi dan misi serta mampu menggerakkan komuniti kampus ke arah budaya kecemerlangan akademik. Mempunyai kemahiran komunikasi dan interpersonal yang mantap serta mempunyai pengalaman dan rekod cemerlang dalam pimpinan akademik.
- e) **Personaliti;**
Seorang yang berwibawa, berkarisma, bersahsiah tinggi, *team player*, serta mempunyai motivasi dalaman untuk memacu kecemerlangan Universiti. Calon juga mestilah memahami aspirasi negara untuk membangunkan modal insan bermentaliti kelas pertama.
- f) **Proaktif;**
Mempunyai pemikiran dan sikap yang proaktif serta mampu mengurus kepelbagaian dalam apa jua situasi.
- g) **Perwatakan;**
Mempunyai perwatakan yang dinamik serta bertanggungjawab dan komited kepada tugas dan tanggungjawab berdasarkan nilai-nilai murni masyarakat dan negara.
- h) **Pengurusan Konflik;**
Berkeupayaan mengenal pasti konflik dan menguruskannya dengan baik dan berhemah.
- i) **Potensi;**
Mempunyai potensi untuk menyumbang secara berkesan terhadap pembangunan Universiti dan pendidikan tinggi negara secara keseluruhan.

- 2.2 Kriteria Khusus : a) **Mempunyai Jaringan Yang Luas dengan Pihak Industri;**
Penyandang mestilah berkemampuan untuk mengenal pasti peluang kerjasama dengan industry serta mempromosikan kolaborasi universiti-universiti seperti penyelidikan, pengkomersilan, pemindahan teknologi, program akademik dan latihan bagi mendapatkan pulangan kepada universiti.
- b) **Berkemampuan Menguruskan Program-Program Perundingan dengan Agensi dan Swasta;**
Penyandang mestilah seorang yang berkemampuan merancang, meningkat dan mempergiat program perundingan dengan agensi kerajaan dan swasta bagi memastikan jaringan kerjasama berjalan lancar dan memberi manfaat kepada kedua-dua belah pihak.

- c) **Berkemampuan Menguruskan Program Jaringan Masyarakat;**
Penyandang bertanggungjawab untuk mengenal pasti, merancang, melaksana dan memantau program jaringan masyarakat bagi universiti untuk memastikan supaya program pengajaran dan usaha-usaha penyelidikan universiti relevan dengan kehendak, aspirasi serta harapan masyarakat.
- d) **Mempunyai Jaringan Hubungan Yang Luas Di Peringkat Antarabangsa;**
Penyandang mestilah mempunyai jaringan hubungan yang luas dengan pihak industry serta universiti-universiti luar negara bagi memperluaskan peluang mobility pensyarah dan juga pelajar.
- e) **Berkemampuan Memancu Program Kebolehpasaran Graduan;**
Calon akan diberi tanggungjawab untuk memastikan kebolehpasaran graduan dipertingkat dari masa ke semasa. Oleh itu, calon mesti mahir dalam program *finishing school*, internship, mobiliti pelajar serta program-program khusus yang membolehkan pelajar memperolehi pengalaman ke dalam pekerjaan.
- f) **Berkemampuan Menggalakkan Aktiviti Keusahawanan Dalam Kalangan Pelajar;**
Penyandang mestilah berkemampuan untuk meningkatkan aktiviti keusahawanan dalam kalangan pelajar dan mewujudkan satu pendekatan baharu iaitu dapat mewujudkan peluang pekerjaan baharu dengan melaksanakan program-program yang strategik.
- g) **Berkemampuan Mewujudkan Satu Ekosistem atau Budaya Alumni Cintakan Universiti;**
Penyandang mestilah mempunyai jaringan hubungan yang luas yang luas serta dihormati dalam kalangan alumni UMS serta dapat menarik kerjasama alumni UMS untuk menyumbang kepakaran, hubungan industri dan dana bagi membantu kelestarian pendidikan universiti.
- h) **Adaptasi Teknologi;**
Berkebolehan dan berkeinginan untuk meneroka kemungkinan, peluang dan cabaran dalam bidang pengurusan dan pentadbiran di zaman digital, membawa UMS ke arah kejayaan di zaman digital.

3.0 CARA MEMOHON

- 3.1 Calon yang berminat boleh mengemukakan permohonan dengan menyertakan bersama dokumen-dokumen seperti berikut:
- a) *Curriculum Vitae* (CV) yang lengkap dan terkini berserta gambar berukuran paspot; dan
 - b) *Key Performance Indicator* (KPI) dan ringkasan mengenai perancangan sekiranya dilantik.
- 3.2 Sebarang pertanyaan sila hubungi:
- Encik Ismail Ladama
Penolong Pendaftar
Bahagian Sumber Manusia
Jabatan Pendaftar
No. Tel : 088320000 (samb: 1444)
Emel : mail@ums.edu.my
- 3.3 Permohonan yang lengkap hendaklah dihantar ke alamat berikut:
- Pendaftar
Universiti Malaysia Sabah
Jalan UMS 88400
Kota Kinabalu
Sabah**
- 3.4 Hanya calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk ditemuduga.
- 3.5 **Tarikh tutup permohonan ialah pada 8 Julai 2019 (Isnin).**